

MAHATHIR - BRITISH

DARI IDZAN ISMAIL

1982

SUVA (FIJI), 15 OKT. (BERNAMA) -- ARAHAN 'JANGAN MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH' YANG DIKELUARKAN KEPADA SEMUA AGENSI DAN JABATAN KERAJAAN TETAP AKAN DIKUATKUASAKAN SEHINGGA BRITAIN MENGUBAH SIKAPNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU SIDANG AKHSAR DI SINI BAHAWA SIKAP BRITAIN MASIH TIDAK BERUBAH SEJAK ARAHAN ITU DIKELUARKAN PADA 1 OKTOBER TAHUN LALU.

YANG DEMIKIAN, SEBOLAH-BOLEHNYA KERAJAAN MALAYSIA MASIH TIDAK MAHU MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA ARAHAN ITU HANYA MELIBATKAN BADAN-BADAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN. ORANG RAMAI TIDAK DILARANG DARI MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH SEKIRANYA MEREKA MAHU. -- LAGI 1622/MB

MAHATHIR BRITISH 2 SUVA FIJI

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BARANG-BARANG BRITISH MENGHADAPI SAINGAN HEBAT DENGAN JATUHNYA NILAI MATA WANG BRITISH BERBANDING DENGAN MATA WANG MALAYSIA.

KETIKA ARAHAN ITU DIKELUARKAN NILAI MATAWANG BRITISH MASIH TINGGI TETAPI SEJAK NILAINYA MULAI MEROSOT, BARANG-BARANG BRITISH MENJADI MURAH DAN TERPAKSA MENGHADAPI SAINGAN HEBAT, TAMBAHNYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN BRITAIN MASIH LAGI BERUNDING MENGENAI PERKARA TERSEBUT.

'KAMI MEMPUNYAI PESURUHJAYA TINGGI DI LONDON SEMENTARA KERAJAAN BRITISH MEMPUNYAI PESURUHJAYA TINGGINYA DI KUALA LUMPUR.' -- LAGI 1700/MB

MAHATHIR - BRITISH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS BRITAIN KERANA MENGENEPIKAN KOMANWEL SEJAK MENYERTAI KESATUAN EKONOMI EROPAH.

'BRITISH LEBIH MENUMPUKAN PERHATIANNYA TERHADAP KESATUAN EKONOMI EROPAH DARI KOMANWEL,' KATA BELIAU SAMBIL MERUJUK KEPADA UCAPANNYA PAGI TADI YANG MENYATAKAN RASA KESAL TERHADAP TINDAKAN PARA PENGASAS KOMANWEL YANG MENGAKIBAT KEMEROSOTAN PENGARUH KOMANWEL.

DI SOAL MENGENAI PENDAPATNYA MENGENAI CHOGRM SECARA BERSELOROH BELIAU BERKATA: 'IA BERGUNA UNTUK PENGETAHUAN SAYA.'

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU KERANA BELIAU BETUL-BETUL KENAL SEMUA PARA PEMIMPIN YANG MENGHADIRINYA DAN JUGA KERANA KERJASAMA MALAYSIA YANG ERAT DENGAN NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN.

'BAYA LEBIH GEMARKAN PERHIMPUNAN SECARA KECIL KERANA DAPAT BERKENALAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MEMBINCANG TINDAKAN-TINDAKAN SELANJUTNYA UNTUK MEMUPUK KERJASAMA ERAT.'

'PERHIMPUNAN-PERHIMPUNAN ANTARABANGSA YANG BESAR SEPERTI PERHIMPUNAN BANGSA-BANGSA BERSATU ATAU KEMUNCAK KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL HANYA BERERTI MEMBUAT SATU UCAPAN, KEMUDIAN DUDUK SEMULA. NASA BERKENALAN HANYALAH DIWAKTU MAJLIS MAKAN MALAM,' KATANYA. -- BERNAMA 1822/MB